

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA  
[ SEGAMAT ]**

**SOALAN**

**Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci bagaimana pengambilan bagi jawatan dalam GLC akan dilakukan dan mekanimse pemilihannya, agar lantikan tidak salah gunakan. Sila berikan statistik terkini jumlah dan bilangan jawatan tertinggi dalam GLC yang diberikan kepada kaum minoriti khususnya Kaum India di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada kebiasaanya, pelantikan ke jawatan tertinggi di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), iaitu di peringkat Lembaga Pengarah, dilakukan menerusi pencalonan oleh Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), selaku pemegang saham utama GLC berkenaan. Setiap pencalonan melalui proses penapisan dan penilaian di peringkat jawatankuasa pencalonan dan penamaan Lembaga Pengarah sesebuah GLC dan seterusnya keputusan atasnya dilakukan oleh Lembaga Pengarah GLC berkenaan. Prestasi dan tatalaku setiap ahli Lembaga Pengarah GLC seterusnya dipantau oleh Lembaga Pengarah dan pemegang saham GLC berkenaan bagi memastikan mereka menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin dan tidak menyalahgunakan kedudukan masing-masing.

## SOALAN NO : 504

Pelantikan ahli Lembaga Pengarah GLC dibuat berdasarkan merit, berpandukan pencapaian, pengalaman serta kepakaran yang dimiliki oleh seseorang itu. Amalan ini adalah bagi memastikan GLC, khususnya dalam kalangan syarikat-syarikat yang tersenarai awam, diterajui oleh golongan profesional yang benar-benar layak dan berkemampuan untuk memenuhi matlamat dan sasaran tinggi yang ditetapkan oleh para pemegang saham, termasuk yang mewakili kepentingan Kerajaan.

Dalam kalangan GLC strategik milik Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), salah sebuah GLIC milik Kerajaan, kira-kira 3% daripada barisan Lembaga Pengarah berbangsa India.

Namun demikian, perlu ditegaskan bahawa GLC tidak menetapkan sebarang syarat kuota bagi komposisi kaum dalam Lembaga Pengarah oleh kerana ia langsung tidak menyumbang kepada prestasi kewangan mahupun strategik GLC, yang menjadi kayu pengukur bagi kejayaan GLC.

Sekian, terima kasih.